



KES-KES HUDUD DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM  
KAJIAN PERBANDINGAN DENGAN UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA

D  
L  
E  
H

MOHD AMRAN HJ MAT ZAIN

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

D  
I  
B  
A  
W  
A  
H

PENYELIA

TAN.SRI PROF.DATUK AHMAD IBRAHIM  
SHEIKH KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR

1992/93

DEDIKASI

SEGALA KESYUKURAN DIJELMAKAN DALAM  
UNGKAPAN KATA-KATA KEHADRAT ILAHI  
DI ATAS SEGALA RAHMATNYA

BUAT:

BONDA DAN AYAHANDA, KALIAN SEGALANYA DALA  
HIDUP INI.

ADIK-ADIK, PERJUANGKANLAH ILMU WALAUPUN  
SELAUTAN PENGORBANAN SEBAGAI TUKARAN.

UNTUK:

INSAN YANG SUDAH PERGI, SEMOGA SEGALA  
PENGORBANAN DAN PENDERITAAN, MENEBUS  
SALAH SILAPMU DENGAN TUHAN. (Tok Wan) (MRK) 91  
93

## PENGHARGAAN

Segala pujian milik Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Selawat dan Salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. penghulu sekalian *Anbia'*, doa buat Ayahanda dan Bonda, semoga dipanjang umur dimurah rezeki,

Setinggi penghargaan yang tiada mampu diukirkan dengan kata-kata ditujukan kepada sekalian guru-guru yang menyumbang bakti terutama, Tan. Sri Prof. Datuk Ahmad Ibrahim, Tan. Sri Syed Agil Barakbah, Prof. Dr. Mahmud Saedon, Yang Berbahgia Uztaz Mohammad Abu Bakar, Prof. Madya Dato' Nik Abdul Rashid, Prof. Madya Abdullah Abu Bakar dan lain-lain.

Dirakamkan penghargaan khas buat Tan. Sri. Prof. Datuk Ahmad Ibrahim selaku penyelia kertas projek ini yang telah banyak menyumbangkan sumber inspirasi kepada penulis, segala tunjuk ajar, teguran dan kata nasihat juga falasafah perjuangan Prof. akan disanjung dan diabadikan dalam lipatan sejarah meniti hari-hari yang mendatang, Insya Allah, semoga Allah panjang usia Prof. dan memberkati segala amal kebajikan prof. sekeluarga.

Tidak dilupakan juga buat setiap yang turut sama menyumbangkan buah fikiran baik secara langsung maupun sebaliknya. Tidak dilupakan juga buat *Teman Seteratak* Banglow 8, 16/8 PJ. SELANGOR, Yang Arif Ab. Syukur (P.D) Hj Noor (ITM), Ghazali juga rakan seperguruan *Ms. Nassir Ab. Aziz (pendekar)* dan *Ab. Halim (selalu-pantai toho)*

Terima kasih juga buat pemilik Banglow Prof. Madya Dr. Ab. Halim Mat Diah (pemangku Ketua Akademi Islam UM)

Jua terima kasih yang berpanjangan buat Ayahbonda

Tuan Haji Mat Zain Awang  
Hajjah Wan Aminah W. Abdul Rahman.

PENGHARGAAN	i
KETERANGAN HURUF RINGKAS	ii
TRANSLITERASI	iii
SENARAI STATUT	iv
SENARAI KES	v

## BAB I

BIGADDIMAH	vi
OBJEKTIF	vi
METODOLOGI	vii
MASALAH KAJIAN	vii

## BAB II

### HUDUD DALAM ISLAM

2.1 - DEFINISI DAN PEMBAHAGIANNYA MENURUT FUGAHA'	1
2.2 - PANDANGAN FUGAHA' TERHADAP BILANGAN BENTUK HUDUD	5
2.3 - BENTUK KESALAHAN HUDUD	7
2.3.1 - DEFINISI DAN DALIL 'SYARA'	7
2.3.1.1 - ZINA	8
2.3.1.2 - GADHAF (MENUDUH ZINA TANPA EMPAT SAKSI)	11

2.3.1.3 - MEMINUM ARAK	15
2.3.1.4 - MENCURI	16
2.3.1.4 - MEROMPAK	18
2.3.1.5 - MENDERHAKA	20
2.3.1.5 - MURDAS	23

### BAB III

#### KEDUDUKAN KESALAHAN HUDUD DIBAWAH UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA

3.1 - PENGENALAN RENGKAS UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA.	25
3.2 - KEDUDUKAN KESALAHAN HUDUD.	27
3.2.1 - ZINA.	27
3.2.2 - MENUDUH ZINA.	33
3.2.3 - MINUM ARAK.	34
3.2.4 - MENCURI.	35
3.2.5 - MEROMPAK	36
3.2.6 - MEMBERONTAK	37
3.2.7 - MURTAD.	40

## BAB IV

### KES-KES HUDUD DAN HUKUMANNYA DALAM ISLAM

4.1	- KES HUDUD DALAM ISLAM.	41
4.1.1	- KES DALAM AL-QURAN	42
4.1.2	- KES DI ZAMAN RASULLULLAH DAN SAHABAT.	46
4.2	- HUKUMAN KES HUDUD DALAM ISLAM.	51
4.2.1	- DEFINISI HUKUMAN.	51
4.2.2	- BENTUK HUKUMAN DAN PENDAPAT FUGAHAH'.	53
4.2.2.1	- ZINA	53
4.2.2.2	- QADHAF	60
4.2.2.3	- MEMINUM ARAK	61
4.2.2.4	- MENCURI	63
4.2.2.5	- MEROMPAK	67
4.2.2.6	- MURTAD	70
4.2.2.7	- MENDERNAKA	72

## BAB V

### KESALAHAN YANG MERUPAKAN KES HUDUD DIBAWAH UNDANG- UNDANG JENAYAH MALAYSIA DAN BENTUK HUKUMANNYA.

5.1	KES DI NAHKANAH SIVIL	75
5.1.1	- MENCURI.	75
5.1.2	- MEROMPAK.	78
5.1.3	- ROGOL.	81
5.1.4	- MURTAD.	82
5.6	- PERUNTUKAN HUKUMAN KES HUDUD.	93
5.6.1	- DEFINISI HUKUMAN	93
5.6.2	- BENTUK HUKUMAN SECARA UMUM	95
5.6.3	-PERUNTUKAN DALAM KANUN KESIKSAAN	96
5.6.3.1	- ROGOL	96
5.6.3.2	- MENCURI.	97
5.6.3.3	- MEROMPAK.	98
5.2.3.4	- MEMBERONTAK.	98

## BAB VI

### RUMUSAN TERHADAP KES HUDUD DALAM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA.

6.1	KESIMPULAN	99
6.1.1	MENCURI	99
6.1.2	ZINA	101
6.1.3	MEMBERONTAK	103
6.1.4	MURTAD	106
6.2	PENUTUP	108

#### BIBLIOGRAFI



## Keterangan Huruf Ringkas

AC	Appeal Cases
AIR	All Indian Reporters
Bhg.	Bahagian
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
Bil.	Bilangan
Cal.	Calcutta
CLJ	Current Law Journal
c.	column
D	Defendan
Ed.	Edited/Edit/Edisi
h/hlm	halaman
hb.	haribulan
ILR	Indian Law Reports
Infra.	below/di bawah
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
JMCL	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch of The Royal Asiatic Society
JPM	Jabatan Perdana Menteri
FMSLR	Federate Malay States Law Reports
Ky.	Kyshes Report Cases
lwn/v	lawan/versus
MLJ	Malayan Law Journal

MLN	Malaysian Law News
Mal. L.R	Malaysian Law Review
No.	Nombor
Op. cit	(Opere citato) In the work quoted
Ors./Anor.	Others/ Yang Lain-lain
S	Seksyen
SSLR	Strait Settlement Law Reports
Supra	above / di atas
vol.	volume

TRANSLITERASI

Bagi perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	ḍ =	د
b =	ب	ṭ =	ط
t =	ت	z =	ز
th =	ث	c =	س
j =	ج	gh =	جھ
h =	ح	f =	ف
kh =	خ	q =	ق
d =	د	k =	ك
dh =	ذ	l =	ل
r =	ر	m =	م
z =	ز	n =	ن
s =	س	h =	ه
sy =	ش	w =	و
ṣ =	ص	y =	ي
		, =	ء

damma + Waw = ū  
 fatha + yā' = ai  
 fatha + waw = au

fatha = a  
 kasra = i  
 damma = u  
 fatha + alif = ā  
 kasra + yā' = ī

## SENARAI STATUT

Perlembagaan Persekutuan 1957

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1964  
(pindaan 1984)

Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Akta Keterangan 1950 (No. 56/1950)

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

Akta Undang-undang Sipil 1956

Akta (pindaan) Perlembagaan 1988 (Akta 704)

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1952

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Terengganu 1955

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Johor 1978

SENARAI KES

Abdul Rahim Bahauddin v. Kadi Besar Kedah (1983) 2 MLJ 370

Che Omar Che Soh v. PP (1988) 2 MLJ 55

Dalip Kaur w/o Gurbux Singh v. Peg. Polis (OCPD) Bt Mertajam & Anor (1991) 3 CLJ 276B

Mamat Daud v. Government of Malaysia (1988) SCR 153

Ng Wan Chan v. Majlis Agama Islam (Wilayah Persekutuan) & Anor (No 2) (1991) 3 MLJ 487

Peddey v. Majlis Agama Islam Pulau Pinang (1990) 2 MLJ 307

PP v. Yap Huat Heng (1985) 2 MLJ 414

Lee Chow Meng v. PP (1976) 1 MLJ 287

PP v. Lee Tak Keong (1989) 1 MLJ 307

Syed Abu Tahir a/l Mohammad Esmail v. Pendakwa Raya (1988) 3 MLJ 485.

Radin Ibrahim bin Gusti Yassar v. Public Prosecutor (1988) 3 MLJ 237

PP v. Loo Chong Hock (1988) 1 MLJ 316.

Ahmad bin Abdul & 3 Ors. v. Public Prosecutor (1987) 2 CLJ 207.

## MUQADDIMAH

Walaupun Hudud merupakan satu bentuk jenayah yang terdapat dalam Undang-undang Jenayah Islam tapi masih ramai daripada kalangan orang Islam yang tidak mengetahuinya, malahan terdapat juga yang tidak menyedari tentang adanya Hudud dalam Islam. Hudud mula mendapat perhatian hanya bila Media Massa mula memperkatakan tentangnya bila ada cadangan bahawa Hudud akan dilaksanakan di Kelantan.

Dalam kita meneruskan bidang kehakiman yang diwarisi daripada sisa-sisa peninggalan penjajah, tanpa disedari kita telah menerima *penerapan* kes-kes Hudud kedalam Undang-undang Jenayah Malaysia, yang diilhamkan oleh bangsa Barat yang sememangnya antikan Islam.

### OBJEKTIF

Justeru menyedari perkembangan ini yang telah sekian lama kita membelakangkan *Hukum Allah* yang ternyata telah menetapkan secara jelas tentang ujudnya Hudud yang tidak menerima sebarang campur tangan sesiapa pun dalam melaksanakannya.

Kajian ini diharapkan dapat memperlihatkan kewujudan Hudud itu sendiri didalam perundangan Islam, dalam masa yang sama kita cuba melihat sejauh mana kedudukan kes Hudud dalam Undang-undang Jenayah Malaysia yang telah merampas kuasa perundangan Islam yang dipelopori oleh penjajah seterusnya telah dipertahankan ke hari ini oleh mereka yang pada hakikatnya masih belum mengenal apa itu Hudud yang sebenarnya dalam Islam.

#### BIDANG KAJIAN

Isu yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini ialah kes-kes Hudud dalam Undang-undang Islam dan perbandingannya dengan yang terdapat dalam Undang-undang Jenayah Malaysia. Walaupun Ta'zir, Qisas dan Diat juga termasuk dalam Undang-undang Jenayah Islam, penulis dalam kajian ini hanya menghadkan perbincangan terhadap Hudud sahaja.

Melalui skop ini, penulis akan memperkatakan tentang Hudud dalam Islam dan seterusnya melihat kesalahan yang asalnya merupakan kes Hudud tapi telah dianggap kes-kes biasa sebagaimana kes-kes lain dalam perundangan Malaysia.

## METHODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua metod utama iaitu :

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua metod utama iaitu :

1. Metod pengumpulan Data yang menggunakan dua kaedah utama:

1.1 Penyelidikan Perpustakaan

1.2 Penyelidikan Luar pula melibatkan :

1.2.1 - Metod Dokumentasi

1.2.2 - Metod Temuduga

2. Metod penganalisan Data, ia dilakukan secara komperatif.

## MASALAH KAJIAN

Pelbagai masalah terpaksa dihadapi oleh penulis dalam usaha menyiapkan dan melengkapkan kajian ini. Antara masalah yang selalu dihadapi ialah bagi mendapatkan bahan rujukan Undang-undang, kerana kebanyakan rujukan tersebut menjadi tumpuan para pelajar undang-undang, jadi agak sukar mendapatkannya disebabkan terlalu kerap bertukar tangan.



Terdapat juga bahan yang memerlukan penjelasan dalam bentuk pendekatan undang-undang, sedangkan penulis masih baru dalam pendedahan soal-soal undang-undang ini menimbulkan kerumitan bagi mendapatkan bahan yang benar-benar relevan dan bermutu begitu juga dalam memahami istilah-istilah undang-undang yang jarang dipakai dalam keadaan biasa. Alhamdulillah dengan *Rahmat Allah* yang Maha Kuasa dan dengan berkat tunjuk ajar Prof. Ahmad selaku penyelia dan sumber inspirasi baik dari sudut idea, khidmat dan perwatakannya telah menimbulkan kekuatan kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Semoga ia memberi sedikit pengetahuan pada penatapnya kelak. Insya Allah.

Yang Benar

*Mohd Amran bin Hj Mat Iain*

*NO : 329 KG, Sri Jelawat*

*16070 Kota Bharu Kelantan*

## BAB II

### HUDUD DALAM ISLAM

Dalam memperkatakan tentang kes-kes Hudud, perlu rasanya kita mengenali dan memahami terlebih dahulu tentang konsep Hudud itu sendiri serta falsafah perundangannya dalam Islam. Mudah - mudahan dengan itu dapat kita melihat setiap perbezaan antara Hudud dengan Undang-undang Jenayah di Malaysia sebagai satu perbandingan secara ilmiah dan dalam bentuk pendekatan ilmunan undang-undang.

#### 2.1 DEFINISI DAN PEMBAHAGIANNYA MENURUT FUQAHAH'.

Hudud ( حدود ) merupakan kata majmuk dari kata tunggalnya ( مفرد ) iaitu hadd ( حد ) yang membawa pengertian dari segi bahasa sebagai sempadan, sekatan atau tegahan <sup>1</sup> atau pemisah diantara dua benda .<sup>2</sup>

---

1. Muhammad bin Abu Bakr bin Abd. Qadir al-Razi, Mukhtar al-Sahah, Beirut, Dar al-Kitab al-Arabi, 1967, m.s. 125.

2. Muhammad Zargani, Syarh al-Muwatta' al-Imam Malik, juzuk 4, Qahirah, Maktabah al-kulliyyah al-Azhariyyah, 1979M/1399H, m.s 2.

Dengan berpandukan Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 187 yang berbunyi :-

تلك حدود الله فلا تقربوها

Maksudnya : -

"Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya" <sup>1</sup>

Ini menunjukkan bahawa hukuman Hudud ini adalah sebagai pencegah daripada berlakunya jenayah itu sendiri.<sup>2</sup>

Antara pengertian yang diberikan oleh para fuqaha' terhadap Hudud dari sudut istilah Syara' adalah seperti berikut :-

Imam al-Mawardi memberikan definisi Hudud sebagai merupakan deraan atau sekatan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. sebagai menakutkan (manusia) dari melakukan perkara-perkara yang ditegah dan meninggalkan perkara-perkara yang diperintahkan.<sup>3</sup>


---

1. Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 187.

2. As-Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunnah, jilid 2, Beirut, Dar al-Fikr, 1983 M/1403H, m.s. 355.

3. Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basari al-Mawardi, Al-Ahkam al-Sultaniyyat Wa al-Wilayat al-Diniyyat, Qahirah, Syarikat Maktabah Wa Matbaat Mustafa al-Babi al-Halalbi Wa Awladihi, 1966M/1386H, m.s. 221.

Muhammad Abu Zahrah pula memberikan pengertian Hudud sebagai hukuman yang telah ditetapkan oleh nas al-Quran atau Hadith mengenai kesalahan yang melibatkan Hak Allah.<sup>1</sup> Mengikut Sayyid Sabiq, Hudud adalah sebagai hukuman atau sekatan tertentu yang menjadi Hak Allah s.w.t.<sup>2</sup>

Jumhur fuqaha' dari Mazhab Hanafi dan juga kebanyakan fuqaha'-fuqaha' dari mazhab lainnya mendefinisikan perkataan hadd (  ) sebagai hukuman yang biasanya berhubung dengan Allah s.w.t. Mereka menyatakan bahawa hadd pada sudut Istilah adalah merupakan hukuman yang telah ditentukan kadarnya sebagai Hak Allah s.w.t.<sup>3</sup>

Justeru itu kesalahan Qisas tidak boleh dinamakan Hadd kerana didalam jenayah Qisas biasanya berkaitan kes yang mengenai hamba (manusia). Begitu juga dengan Ta'zir, ia tidak boleh dikatakan sebagai Had kerana hukumannya tidak ditentukan oleh Syara'.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Abu Zahrah, Al-Uqubah: al-Jarimah Wa al-Uqubah Fi al-Fiqh al-Islami, Dar al-Fikr, t.t, m.s. 83.

<sup>2</sup> As-Sayyid Sabiq, op.cit, m.s. 355.

<sup>3</sup> Ahmad Muwafi, Min al-Fiqh al-Jina'i al-Muqarin Baina al-Syariah Wa al-Qanun, Qahirah, al-Majlis al-Ala Li al-Syu'un al-Islamiyyat al-Jumhuriyyat al-Arabiyyat al-Muttahidat, 1965M/1304H, m.s. 45.

<sup>4</sup> Ibid. m.s. 45.

Berdasarkan takrifan dan pengertian yang telah dikemukakan oleh para fuqaha' diatas, maka bertolak dari situ dapat rumuskan tentang hakikat Hudud, sebagaimana berikut :-

Pertama, Hudud adalah merupakan sekatan, tegahan ataupun penyediaan bentuk hukuman yang telah ditentukan oleh Allah baik melalui al-Quran maupun as-Sunnah yang merupakan Hak Allah yang akan dikenakan keatas penjenayah yang melakukan kesalahan tertentu yang digolongkan sebagai jenayah Hudud.

Disini kita dapat merasakan bahawa Hudud lebih berfungsi sebagai peringatan tentang kesiksaan yang berat sebelum jenayah itu masih belum dilakukan. Dari sini kita dapat melihat betapa tingginya falsafah perundangan Allah keatas hambanya.

Keduanya, Penentuan kadar dan bentuk hukuman tidak boleh sama sekali ditentukan oleh Hakim atau pemerintah, begitu juga dalam soal menambah atau mengurangkan kadar Hudud. Semua pihak tidak berhak menarik balik tuntutan Hudud samada membatalkan atau memberikan kemaafan keatas penjenayah kes Hudud bila kes tersebut telah dikemukakan ke muka pengadilan.

## 2.2 PANDANGAN FUQAHA' TERHADAP BILANGAN DAN BENTUK HUDUD

Para ulama' fekah telah berlainan pendapat dalam menentukan bentuk jenayah yang digolongkan sebagai hudud. Menurut mazhab Hanafi Hudud dikategorikan kepada lima jenis, iaitu mencuri, berzina, qadhzaf, disamping memasukkan jenayah merompak kedalam jenayah mencuri akan tetapi memisahkan antara hadd minum arak yang diproses daripada anggor dengan hadd meminum minuman yang memabukkan hasil daripada bahan selain daripada anggor iaitu seperti gandum, zurrah dan madu .<sup>1</sup>

Terdapat juga golongan ulama' selain dari mazhab Hanafi yang mengkategorikan Hudud sebagai meliputi penjagaan keatas hak-hak Allah atau hak individu dengan menjumlahkannya kepada tujuh jenis iaitu dengan menambah dua bentuk kesalahan lagi (selain yang disebutkan diatas) iaitu Riddah (murtad) dan Qisas .<sup>2</sup>

---

1. Wahbah al-Zuhailiy, (Dr), al-Fiqh al-Islam Wa Adillatuhu, juzuk 6, Dar al-Fikr al-Arabiy, t.t, m.s. 13.

2. Ibid.

Mengikut Imam Syafie dalam kitabnya 'Al-Umm', beliau telah mengklasifikasikan Hudud kepada enam kesalahan iaitu mencuri, merompak, berzina, menuduh zina, minum arak dan murtad.<sup>1</sup> Setengah fuqaha' telah menambahkan kategori hudud ini dengan memasukan 'menderhaka' sebagai bentuk yang ketujuh.<sup>2</sup>

Berdasarkan pendapat para fuqaha' diatas, penulis merasakan pendapat yang diutarakan oleh fuqaha' daripada mazhab Syafie lebih diterima ramai dikalangan masyarakat Malaysia justeru itu ada baiknya dibincangkan bentuk atau jenis hudud ini meliputi tujuh bentuk sebagai mencangkupi keseluruhan pendapat ulama' daripada mazhab ini .

Tujuh bentuk kesalahan yang dianggap sebagai tergolong dalam kes-kes hudud ialah :-

- 1) Zina
- 2) Tuduhan Zina (tanpa empat saksi)
- 3) Minum Arak
- 4) Murtad

---

<sup>1</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Idris As-Syafie, al-Umm, juz 5, Qahirah, Kitab al-Sya'bi, t.t., m.s. 51.

<sup>2</sup> Abu Muhammad Ali bin Ahmad Said bin Hazm, al-Muhalla, juzuk 2, Beirut, al-Maktabah al-Tijariah, t.t., m.s. 118.

5) Mencuri

6) Merompak

7) Bagh (Menderhaka)

### 2.3 BENTUK KESALAHAN HUDUD

Sebagaimana yang telah diterangkan diawal tadi bahawa Hudud ini melibatkan tujuh jenis jenayah iaitu zina, qadhzaf, mencuri, minum Arak, murtad merompak ( Hirabah) dan menderhaka (al-Baghy). Penghuraian setiap kesalahan adalah seperti berikut :-

#### 2.3.1 :DEFINISI DAN DALIL SYARA'

Penulis akan mengutarakan definisi yang diberikan oleh para fuqaha' dari beberapa mazhab agar dapat kita melihat dari aspek manakah penekan diberikan bagi membentuk kesalahan hudud ini, serta disertakan dalil-dalil dari Al-Quran dan Al-Hadis sebagai hujjah yang utama yang menunjukkan pengharamannya.